

# Ikan patin, tilapia ganti sumber protein

Harian Metro 26/5/2023 n. 2

**Jerantut:** Ketiadaan bekalan ayam segar di daerah ini sejak minggu lalu mendorong pengguna beralih kepada ikan patin dan tilapia sebagai sumber protein.

Tinjauan mendapati kebanyakannya pengusaha ikan patin sangkar di daerah ini dan Temerloh mendapati jualan ikan sangkar mereka meningkat dua kali ganda.

Seorang pengusaha ikan patin dan tilapia sangkar di kampung Rumpun Makmur, Temerloh, Mohd Nizam Tapar, 45 mengakui, sejak minggu ini permintaan ikan dari peniaga restoran dan pemborong ikan patin meningkat.

"Sebelum ini, saya membekalkan kira-kira 100 kilogram ikan patin dan tilapia seminggu, tetapi sekarang meningkat 200 kilogram seminggu."

"Minggu depan stok ikan patin dan tilapia di sangkar semakin kurang dan dijangka kehabisan dan akan diisi dengan 4,000 benih baru," katanya yang mem-

punyai dua sangkar ikan patin dan dua sangkar ikan tilapia di sungai Pahang

Pengusaha ikan sangkar di Kampung Lada, Jerantut, Baharizal Abu Bakar, 43, yang menternak ikan patin sangkar dalam 100 sangkar mendakwa permintaan ikan patin mendapat sambutan kerana kekurangan ayam di pasaran.

Katanya permintaan dari restoran, pemborong dan orang ramai meningkat dengan mendadak sejak minggu lalu.

Menurutnya, ikannya baru diisi Februari lalu dan kebanyakannya masih belum capai usia matang untuk dipasarkan.

"Pada masa ini, kebanyakannya ikan bersaiz 700 ke 800 gram sahaja, namun ia terus mendapat permintaan tinggi dari pemborong dan penggemar ikan sungai."

"Buat masa ini, saya belum dapat menambah bekalan kepada pengguna dan restoran ikan patin di Lembah Kelang kerana saiznya masih kecil," katanya.